

SOALAN NO. : 83

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH
[KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 19 JUN 2014

SOALAN :

Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah syarat-syarat dikenakan kepada syarikat Eastern Steel Sdn. Bhd. yang akan memulakan operasi tahun 2014 di Teluk Kalong Kemaman, Terengganu bagi memastikan tiada pencemaran akan berlaku baik melalui udara, tanah atau air yang akan menjaskan kesihatan rakyat tempatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kilang Eastern Steel Sdn. Bhd. adalah sebuah kilang bersepadu bagi pengeluaran produk besi dan keluli dan Laporan EIA Terperinci tersebut telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 27 Januari 2010, dengan syarat-syarat kelulusan setelah memenuhi kehendak Seksyen 34A(2) Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Kilang ini sedang dalam peringkat pembinaan dan dijangka siap pertengahan tahun ini dan dijangka beroperasi pada tahun 2015.

Bagi mengawal pencemaran supaya tidak menjadikan kesihatan rakyat tempatan, syarat-syarat yang dikenakan ke atas syarikat Eastern Steel Sdn. Bhd antaranya adalah berkaitan dengan kawalan kerja-kerja tanah dan pembinaan, kawalan kualiti udara, kawalan kualiti air, kawalan bunyi bising, pengurusan sisa pepejal dan buangan terjadual serta kawalan keselamatan dan kecemasan. Alat kawalan pencemaran udara yang akan dipasang adalah beg turas, siklon dan *electrostatic precipitators*. Bagi kawalan pencemaran air, pihak kilang dikehendaki membina loji pengolahan air buangan dan kumbahan. Sebarang pelepasan pencemar daripada kilang ini perlu mematuhi standad yang ditetapkan oleh JAS.

Di samping itu, pihak kilang disyaratkan untuk memasang sistem pengawasan udara berterusan secara atas talian (*online*) yang dihubungkan terus dengan Jabatan Alam Sekitar.

Kementerian saya melalui JAS akan meneruskan pemantauan dan penguatkuasaan berterusan ke atas kilang ini bermula dari peringkat kerja tanah, pembinaan dan operasi bagi memastikan pematuhan terhadap syarat-syarat kelulusan laporan EIA Terperinci dan keperluan perundangan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

Sekian, terima kasih.